

Kepelbagaian makna Leksikal dalam Pantun Sekalung Budi Seuntai Bahasa

The Lexical Diversity of Meanings in The Pantun Sekalung Budi Seuntai Bahasa

Masyitah Hazami*, Rozita Che Rodi

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia,
43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

*Corresponding author: 212069@student.upm.edu.my

Received: 22 October 2024; **Revised:** 23 April 2025; **Accepted:** 20 June 2025; **Published:** 30 June 2025

To cite this article (APA): Hazami, M., & Che Rodi, R. (2025). Kepelbagaian makna Leksikal dalam Pantun Sekalung Budi Seuntai Bahasa. *PENDETA*, 16(1), 100-113. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.10.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.10.2025>

ABSTRAK

Pantun merupakan salah satu khazanah Melayu berbentuk puisi asli dan unik yang melambangkan kehidupan masyarakat di Alam Melayu. Bukan itu sahaja, pantun juga mempunyai akar yang mendalam dalam budaya Melayu kerana pantun kaya dengan warisan sastera. Namun, jenis-jenis kepelbagaian makna dari perspektif semantik leksikal yang terdapat dalam penghasilan pantun dan bagaimana elemen-elemen ini mencerminkan kekayaan budaya serta warisan sastera Melayu, sering kali menimbulkan perdebatan. Malah, timbul keperluan untuk memahami lebih mendalam bagaimana pantun yang dianggap sebagai warisan budaya mengandungi pelbagai makna tersembunyi atau bertindih, serta bagaimana makna-makna ini berperanan dalam menyampaikan nilai dan pemikiran masyarakat Melayu. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti jenis-jenis kepelbagaian makna dari perspektif semantik leksikal yang digunakan dalam buku pantun Sekalung Budi Seuntai Bahasa. Antara disiplin semantik leksikal yang akan dikenal pasti ialah aspek homonim, polisemi, hiponim, meronim, metafora, antonim dan sinonim. Selain itu, kajian ini berbentuk kualitatif dan pengkaji akan menghuraikan segala analisis dapatan dalam bentuk deskriptif. Pengkaji juga akan menggunakan buku pantun Sekalung Budi Seuntai Bahasa sebagai bahan kajian dalam mendapatkan data kajian. Seterusnya, pengkaji merupakan instrumen utama dalam mengumpul data kajian dengan cara menganalisis buku pantun Sekalung Budi Seuntai Bahasa. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 168 rangkap pantun yang menggunakan tujuh disiplin semantik leksikal. Pengkaji menginterpretasikan data kajian menggunakan teori logik simbolik berserta pandangan tokoh dalam menghuraikan makna bagi setiap kata yang digunakan. Akhir sekali, kepelbagaian makna dari perspektif semantik leksikal yang dijelaskan dalam kajian pantun ini memberi kesan kepada pemahaman makna, penggunaan bahasa, serta pengayaan kosa kata pengguna bahasa. Justeru, usaha wajar perlu dilakukan oleh pihak yang berminat dalam kajian bahasa untuk melaksanakan kajian kepelbagaian makna leksikal terhadap karya sastera dengan lebih lanjut dan mendalam dengan menggunakan teori logik simbolik.

Kata kunci: pantun; kepelbagaian makna leksikal; semantik; budaya Melayu; warisan Melayu

ABSTRACT

Pantun is one of the Malay cultural treasures in the form of an original and unique poetic expression that symbolizes the life of the people in the Malay Archipelago. In addition, pantun has deep roots in Malay culture due to its richness in literary heritage. However, the various types of meaning from the perspective of lexical semantics found in the composition of pantun, and how these elements reflect the cultural richness and literary heritage of the Malays, often give rise to scholarly debate. Consequently, there is a growing need to understand in detail how pantun, which is regarded as cultural heritage, contains hidden or overlapping meanings, and how these meanings function in conveying the values and thoughts of the Malay community. In this regard, this study was conducted to identify the types of meaning variation from the perspective of lexical semantics used in the book pantun Sekalung Budi Seuntai Bahasa. The lexical semantic disciplines identified in this study include homonymy, polysemy, hyponymy, meronymy, metaphor, antonymy, and synonymy. This research adopts a qualitative approach, and the researcher will describe the findings in descriptive form. The book Sekalung Budi

Seuntai Bahasa serves as the primary source of data for the study. Furthermore, the researcher acts as the main instrument in data collection by analysing the book pantun Sekalung Budi Seuntai Bahasa. The study's findings indicate that there are 168 stanzas of pantun that apply the seven identified lexical semantic disciplines. The researcher interprets the data using symbolic logic theory along with the views of relevant scholars to explain the meanings of each word used. Ultimately, the diversity of meanings from the lexical semantics perspective, as explained through this pantun study, has a significant impact on meaning comprehension, language use, and vocabulary enrichment among language users. Therefore, greater efforts should be made by those interested in linguistic studies to explore lexical meaning variations in literary works more extensively and in depth, using the symbolic logic theory.

Keywords: *pantun; the diversity of lexical meaning; semantics; Malay culture; Malay heritage*

PENGENALAN

Pantun merupakan salah satu khazanah Melayu berbentuk puisi yang asli dan unik yang melambangkan kehidupan masyarakat di Alam Melayu. Pantun Melayu mempunyai akar yang mendalam dalam budaya Melayu dan juga berkait rapat dengan akal budi Melayu kerana pantun lazimnya diungkapkan secara spontan dan ringkas. Pantun bukan hanya sekadar ungkapan puisi atau komunikasi, tetapi menjadi simbol budaya yang mencerminkan kebijaksanaan, kecerdasan dan keindahan dalam bahasa Melayu tradisional. Oleh itu, penciptaan pantun memerlukan kemahiran yang tinggi kerana setiap kreativiti yang ditampilkan akan memperlihatkan kehebatan seniman Melayu dalam memaparkan latar budaya orang Melayu yang sangat menjaga adab dan tatasusila. Menurut Haji Salleh (2023) dalam kajiannya telah meneliti bahawa pantun merupakan medium untuk mengetengahkan keindahan dan keunikannya dalam masyarakat Melayu.

Justeru, pelaksanaan kajian ini adalah untuk melihat kepada penggunaan setiap kata yang digunakan dalam pantun kerana pemilihan kata merupakan elemen terbesar dalam mencipta pantun yang sempurna. Penggunaan kata dalam pantun memberi kesan kepada pemahaman serta penghayatan pendengarnya. Maka, pemilihan kata dalam pantun sangat berkait rapat dengan bidang semantik leksikal kerana wujudnya fungsi makna pantun yang pelbagai yang bergantung kepada pengetahuan kognitif pendengarnya apabila makna telah diinterpretasikan. Kajian ini juga penting kepada terhadap pengayaan ilmu terutamanya dalam bidang semantik leksikal. Semua lapisan masyarakat akan dapat mengetahui dan memahami bagaimana setiap kata saling berkaitan, digunakan dan berubah mengikut konteks pemakaian bahasanya.

Pernyataan Masalah

Setiap makna yang diujarkan dalam buku pantun Melayu pastinya menampilkan kepelbagaian makna leksikal. Justeru, setiap istilah atau frasa yang digunakan berkemungkinan mempunyai pelbagai makna atau makna tersebut bergantung kepada konteks tertentu, lalu menyebabkan kekeliruan atau tafsiran makna yang tidak pasti kepada pendengar atau pembaca. Maka, kesilapan mentafsir makna setiap kata pasti akan memberikan kesukaran untuk mengekalkan makna yang konsisten dan pemahaman yang tepat dalam pantun. Mohd Saipudin Sulaiman et al. (2023), menjelaskan bahawa karya sastera amat sukar difahami maknanya kerana pembaca mempunyai masalah dalam menginterpretasikan karya tersebut.

Selain itu, penghasilan karya sastera kaya dengan makna tersurat dan makna tersirat yang akan menyebabkan pembaca atau pendengar perlu merungkai makna sebenar sesuatu karya tersebut. Harun Mat Piah (1989) berpendapat bahawa pantun mempunyai makna antara pembayang dan maksud, sama ada hubungan konkrit atau abstrak di antara simbol dan lambang yang diungkapkan dalam pantun. Kesannya, pengertian simbol dalam pantun sering ditafsirkan secara ambiguiti atau samar-samar kerana kata yang digunakan boleh diinterpretasikan lebih daripada satu makna. Seterusnya, setiap kata dalam pantun yang mempunyai makna tersirat pastinya memerlukan ketajaman fikiran pendengar untuk memahami bait-bait penyampaian suatu karya tersebut. Misalnya dalam penulisan pantun kanak-kanak, kata yang digunakan mestilah selaras dengan penguasaan kosa kata kanak-kanak agar mereka lebih mudah menginterpretasikan makna pantun yang hendak disampaikan. Putu Ayub (2013) menyatakan bahawa kanak-kanak bukan sahaja mengingat bait-bait pantun tersebut malahan terjadi proses kognitif

apabila melibatkan proses menghayati pemaknaan bagi mewujudkan kefahaman dan penghayatan dalam penyampaian.

Justeru itu, setiap orang mestilah memiliki kepekaan terhadap konteks budaya dan sosial di mana pantun tersebut dicipta atau digunakan agar pemahaman terhadap pantun lebih mudah dicapai. Oleh itu, dapatlah dilihat bahawa masyarakat bukan sahaja menikmati karya hiburan pantun, tetapi mereka perlu mendalami karya tersebut agar mesej yang hendak disampaikan, dapat difahami dengan mudah.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, kajian ini bertujuan menjelaskan 10 jenis disiplin dari aspek semantik leksikal yang membentuk kepelbagaian makna dalam buku pantun *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*. Seterusnya, kajian ini secara khusus bertujuan memenuhi dua objektif seperti yang berikut:

- i. Mengetahui kepelbagaian makna dari perspektif semantik leksikal yang digunakan dalam buku pantun *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*.
- ii. Menginterpretasikan kepelbagaian makna dari perspektif semantik leksikal yang digunakan dalam buku pantun *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*.

Batasan Kajian

Kajian ini telah dijalankan di Universiti Putra Malaysia dengan menggunakan kajian analisis dokumen, iaitu dengan menganalisis koleksi pantun dalam buku *Sekalung Budi Seuntai Bahasa* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Pantun *Sekalung Budi Seuntai Bahasa* mula diterbitkan pada tahun 2004 dan merupakan koleksi pantun-pantun Melayu yang sering menjadi media pengiring dan pemanis kata dalam sesuatu majlis dan upacara rasmi. Pantun-pantun dalam buku ini telah disusun mengikut fungsi dan kesesuaian pembaca agar mereka mudah menggunakannya dalam majlis-majlis tertentu. Selain itu, buku pantun ini sangat popular dalam kalangan penggunaannya disebabkan keistimewaan susunannya mengikut jenis penggunaannya. Buku ini mengandungi enam bab dan setiap bab mempunyai koleksi pantun yang bersesuaian dengan upacara atau majlis yang dilakukan. Keistimewaan koleksi pantun dalam buku *Sekalung Budi Seuntai Bahasa* ialah untuk mengekalkan dan menjamin penggunaan pantun terus dipopularkan dan terus relevan untuk digunakan dari zaman ke zaman.

Oleh itu, pengkaji akan meneliti kesemua bab dalam buku pantun *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*. Dalam kajian ini juga, pengkaji akan menggunakan teori logik simbolik bagi mengenal pasti disiplin semantik leksikal yang lazim digunakan dalam buku pantun *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*. Teori ini digunakan untuk menerangkan struktur dan hubungan antara kata dan konsep makna dalam bahasa secara tersusun dan menyeluruh. Teori ini juga akan membantu merungkai perkaitan antara simbol dan rujukan bagi sesuatu makna itu. Perkaitan makna antara kata ini boleh dilanjutkan kepada konteks yang lebih luas, iaitu frasa atau ayat. Pengkaji akan mengkaji kesemua disiplin berdasarkan kepelbagaian makna dalam bidang semantik. Antaranya ialah aspek sinonim, antonim, hiponim, polisemi, homonim, homofon, homograf, meronim, metafora dan kolokasi. Seterusnya, pengkaji akan menjelaskan satu persatu konsep kepelbagaian makna leksikal yang digunakan berserta contoh yang diperolehi daripada buku ini. Konsep dan definisi setiap disiplin semantik leksikal tersebut akan dibincangkan pada bahagian dapatan kajian.

Kajian Literatur

Kajian literatur dalam penulisan ini dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu kajian terhadap pemaknaan pantun, kajian terhadap bidang semantik, kajian terhadap kepelbagaian makna leksikal. Penumpuan dalam bahagian ini dilihat melalui beberapa aspek, antaranya melalui fokus kajian, data kajian, metodologi kajian dan analisis dapatan kajian.

Kajian Terhadap Pemaknaan Pantun

Noor Hasnoor dan Eizah (2020) telah meninjau pantun Melayu mengenai konsep ruang dalam bahasa dan pemikiran menerusi pantun Melayu. Ruang boleh wujud secara fizikal dan dalam bentuk kiasan atau metafora. Asmah Haji Omar (1998) menyatakan bahawa konteks ruang dalam kehidupan masyarakat Melayu boleh diketahui sebagai ruang fizikal dan ruang geografi-sekitaran, manakala ruang psikologi dan ruang budaya merupakan sesuatu yang masih baru dalam bahasa Melayu. Kajian ini telah menggunakan himpunan pantun yang terdapat dalam teks karya agung *Pantun Melayu: Bingkisan Permata* oleh Harun Mat Piah (2001). Kajian ini telah berjaya menunjukkan kebijaksanaan pemikiran dan akal budi serta kesedaran orang Melayu terhadap alam, pengetahuan dan daya kreatif mereka dalam mengaitkan pantun Melayu dengan unsur alam.

Muhammad Haji Salleh (2023) menggambarkan pantun sebagai sumber pemikiran orang Melayu dalam kehidupan mereka. Kajiannya melihat kepada keindahan dan keunikan dalam pantun kanak-kanak yang menggunakan fasa pembesaran kanak-kanak dalam menunjukkan nilai tingkah laku yang betul, budi bahasa serta adab tatasusila. Pantun yang dikarang dan dilontarkan turut mempunyai tujuan dan makna tersendiri kepada pihak-pihak tertentu. Penciptaan pantun Melayu turut melambangkan ketinggian akal pemikiran masyarakat Melayu dalam menyampaikan nilai murni dan ilmu pengetahuan kepada pendengar dan penggemar pantun Melayu.

Asmiaty Amat et. al. (2022) menjelaskan bahawa pantun merupakan salah satu aktiviti sastera yang dilakukan secara lisan oleh orang Melayu. Hal ini kerana, pantun digunakan sebagai hiburan yang menampilkan tunjuk ajar dan nilai kepada masyarakat umum. Penggunaan pantun juga popular dalam kalangan masyarakat Cocos. Perbezaan di antara Pantun Cocos dan Pantun Melayu ialah cara pengucapan yang agak kasar dan perkataannya akan disebut secara satu persatu berbanding pantun Melayu yang dilontarkan dengan nada lembut. Kajian ini telah membuktikan bahawa masyarakat Cocos masih mempertahankan seni berpantun sejak zaman-berzaman walaupun mereka telah berhijrah dari kepulauannya.

Kajian Terhadap Bidang Semantik

Mohamad Nor Taufiq dan Aniswa (2023) dalam kajiannya yang bertajuk *Peminjaman Perkataan Sanskrit dalam Bahasa Melayu: Penelitian dari Sudut Makna*, iaitu meneliti tentang perubahan kepada penyempitan dan peluasan makna. Beliau menjelaskan bahawa bahasa Melayu dan bahasa Sanskrit tidak tergolong dalam satu kumpulan bahasa yang sama, tetapi banyak kata dalam bahasa Melayu yang diperoleh daripada bahasa Sanskrit. Kaedah peluasan makna memerlukan penambahan satu komponen makna bagi sebuah kata. Contohnya, kata madu daripada bahasa Sanskrit yang telah mengalami makna kedua yang merujuk kepada kiasan wanita lain menjadi isteri kepada suami sendiri. Walau bagaimanapun, kata madu ini tergolong sebagai cecair manis yang agak likat yang dihasilkan oleh lebah. Manakala, kaedah penyempitan makna ialah kaedah yang mengurangkan makna bagi sesuatu kata. Misalnya, kata khalwat yang dipinjam daripada bahasa Arab yang merujuk kepada bersendirian atau memencilkan diri dari tempat yang sunyi, namun masyarakat lebih gemar merujuk makna kedua dengan menganggap khalwat ialah situasi seorang lelaki dan perempuan yang belum berkahwin duduk berdua-duaan di tempat yang sunyi.

Selain itu, Adi Iwan Hermawan et al. (2023), membuat analisis terhadap perluasan makna bahasa masyarakat bola sepak iaitu beliau telah mendapati bahawa komunikasi masyarakat dipengaruhi oleh persekitaran yang menjadikan bahasa tersebut berkembang dalam rangkaian sosial yang berbeza. Kajian ini telah menemui banyak perubahan makna dalam bahasa yang digunakan oleh komuniti bola sepak. Antaranya ialah perluasan makna, perubahan makna menyempit, perubahan keseluruhan makna, dan akronim dengan penjelasan. Kepelbagaian yang wujud dalam perluasan makna ini juga dikaitkan dengan lingkungan, ruang, dan waktu masyarakat setempat.

Kajian Terhadap Kepelbagaian Makna Leksikal

Siti Farida Salleh et al. (2020), menggunakan pendekatan semantik leksikal ketika mengkaji novel Sangkar karya Samsiah Mohd Nor. Makna leksikal merupakan bentuk perkataan yang diturunkan dari kosa kata dan perbendaharaan kata (Chaer, 2009). Makna leksikal boleh didapati dengan mengenal pasti unsur-unsur yang membentuk makna bagi sesuatu perkataan. Antara aspek semantik leksikal yang telah dikenal pasti ialah sinonim, antonim, hiponim dan meronim. Penggunaan aspek semantik leksikal

dalam teks novel ini telah menunjukkan jumlah kekerapan yang tinggi dan ini membuktikan bahawa ilmu semantik mewujudkan perbezaan makna dari sudut pandang yang berbeza.

Selain itu, Lalu Purnama Zulkarnain (2023), menyatakan bahawa bahasa ialah satu alat yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Bahasa bukan sahaja digunakan untuk manusia berfikir, namun bahasa turut menjadi medium untuk menyampaikan isi atau buah fikiran, berinteraksi, alat untuk mengekspresikan diri dan banyak lagi. Pendekatan semantik leksikal dapat membantu pengkaji untuk menganalisis makna di sebalik setiap perkataan yang digunakan dalam pantun Sasak. Pengucapan pantun berlaku tanpa seseorang itu mengetahui makna leksikal serta maksud sebenarnya. Hal ini demikian kerana, setiap orang mempunyai kefahaman serta perspektif yang berbeza ketika menginterpretasikan kata yang digunakan dalam pantun.

Harum Indira Suyanto & Dianita Indrawati (2022) melakukan penelitian semantik leksikal terhadap lagu dalam album Raisa Adriana. Alunan muzik merupakan suatu alunan bunyi yang mempunyai irama secara berkesinambungan yang memberi kesan kepada masyarakat untuk menikmati lagu. Gubahan pada nada atau bunyi dalam lagu juga mewujudkan kesatuan serta irama. Oleh itu, penggunaan analisis semantik leksikal dapat mengkaji makna atau struktur batin dalam penulisan lirik lagu tersebut. Pengkaji telah menemui beberapa aspek semantik leksikal yang terkandung dalam lirik lagu ini iaitu aspek repitisi, sinonim, kolokasi dan antonim. Penelitian kajian ini telah dapat memberi khazanah bagi pengembangan ilmu bahasa terutamanya terhadap bidang semantik leksikal.

Ghina Salsabila dan Dianita Indrawati (2022) melakukan kajian yang sama terhadap lirik lagu dalam album “Manusia” karya Tulus. Pengkaji menggunakan teori semantik leksikal yang menampilkan makna konseptual dan makna asosiatif. Makna konseptual merupakan makna yang bersesuaian dengan konsepnya, sesuai dengan referensi, dan makna yang bebas dari hubungan apa pun. Makna konseptual ini juga mempunyai persamaan dengan makna referensial, makna leksikal, dan makna denotatif. Selain itu, makna asosiatif pula berhubungan dengan nilai-nilai moral serta pandangan hidup dalam kalangan masyarakat suatu bahasa. Kedua-dua jenis makna ini dapat membantu pendengar untuk memahami dan menghayati sebuah lagu kerana pendengar perlu mengetahui bait-bait setiap makna sebuah kata dalam lirik lagu tersebut agar maksud dapat disampaikan dengan baik.

Neldi Harianto et al. (2022), mengkaji tentang aspek polisemi dan homonim dalam kajian penggunaan aspek semantik dalam bahasa Arab. Polisemi ialah kesatuan bahasa yang terdiri daripada kata atau frasa yang mengandungi lebih daripada satu makna. Manakala, homonim ialah hubungan di antara dua kata yang mempunyai bentuk sama, namun memberi makna yang berbeza. Misalnya, dalam bahasa Arab polisemi diistilahkan sebagai Mustarak al Lafzi atau al Jinas dan Mujanisatun lafzi. Pakar mendapati bahawa kedua-dua istilah ini cenderung mempunyai persamaan. Contohnya kata memukul yang diambil daripada ayat-ayat al- Quran yang memberi banyak makna. Pengkaji mengklasifikasikan istilah ini dengan mustarak al-lafzi. Hal ini demikian kerana, al Jinas merupakan gaya bahasa yang mengulang kata yang sama atau hampir sama, tetapi menampilkan makna yang berbeza. Kemudian, pengkaji turut mengenal pasti penggunaan homonim dalam bahasa Arab, iaitu Mujanisun Lafzhi. Homonim merupakan ungkapan yang sama baik dari segi sebutan dan ejaannya tetap mempunyai makna yang berbeza. Kesimpulannya, aspek polisemi dan homonim turut dijumpai dalam pengkajian bahasa Arab kerana mustarakal lafzhi lebih hampir sama dengan polisemi, sedangkan mujanisatun lafziyyah pula lebih hampir dengan homonim. Secara keseluruhannya, pengkaji telah mendapati banyak kajian berkaitan dengan pantun Melayu dan penggunaan pendekatan semantik leksikal terhadap teks novel dan lirik-lirik lagu. Walau bagaimana pun, kajian khusus semantik leksikal terhadap karya sastera terutamanya pantun masih kurang dijelaskan secara konkrit.

Dalam konteks kajian ini, reka bentuk kajian yang digunakan ialah reka bentuk kajian kualitatif secara deskriptif dengan menggunakan kaedah menganalisis dokumen yang membantu pengkaji untuk menganalisis kandungan seperti menganalisis buku pantun *Sekalung Budi Seuntai Bahasa* bagi mendapatkan data kajian. Sesungguhnya, kaedah ini sangat bermakna dalam penyelidikan kerana semua maklumat diperoleh secara terus daripada dokumen tersebut. Data akan dikumpulkan dianalisis mengikut disiplin semantik leksikal dan diinterpretasikan menggunakan teori logik simbolik. Teori logik simbolik membantu pengkaji menghuraikan makna bukan sahaja pada peringkat perkataan tetapi turut menganalisis makna ayat secara mendalam. Selain itu, hubungan di antara kata dan konsep makna dapat diterangkan menggunakan teori ini. Seterusnya, data juga dikumpul dengan beberapa prosedur. Antaranya ialah membuat pembacaan secara keseluruhan terlebih dahulu buku pantun *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*. Kemudian, membuat pembacaan sekali lagi bahan tersebut dan pengkaji mengenal

pasti kepelbagaian makna dari sudut semantik leksikal yang wujud dalam pantun *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*. Seterusnya, pengkaji akan mengelaskan kepelbagaian makna dari sudut semantik leksikal mengikut jenis dan contoh yang diperoleh. Akhir sekali, pengkaji akan cuba menginterpretasikan semua dapatan yang telah dikenal pasti menggunakan teori logik simbolik secara terperinci dan lebih mendalam.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam konteks kajian ini, reka bentuk kajian yang digunakan ialah reka bentuk kajian kualitatif secara deskriptif dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Buku pantun *Sekalung Budi Seuntai Bahasa* dipilih sebagai bahan kajian, dan kandungan buku tersebut dianalisis untuk mendapatkan data kajian. Kaedah ini sangat bermakna dalam penyelidikan kerana semua maklumat diperoleh secara terus daripada bahan tersebut.

Menurut Taylor dan Bogdan (1984), data yang diperoleh melalui kaedah kualitatif mestilah diterjemahkan dan dihuraikan ke dalam bentuk deskriptif. Kajian berbentuk deskriptif adalah kajian yang dihasilkan dalam bentuk kata-kata lisan atau tulisan tentang perbuatan atau tingkah laku seseorang. Kajian ini mengaplikasi teori logik simbolik dan penghuraian secara terperinci mengenai kepelbagaian makna dari perspektif semantik leksikal dalam bahan yang telah dipilih akan dilakukan. Menurut Kempson (1977), teori logik simbolik merupakan teori yang membantu menghuraikan makna bukan sahaja pada peringkat perkataan tetapi turut menganalisis makna ayat. Makna yang diperoleh di sebalik perkataan akan dikaitkan dengan perlakuan manusia untuk melihat perubahan tingkah laku apabila seseorang itu memahami makna. Teori ini digunakan untuk menerangkan struktur dan hubungan di antara kata dan konsep makna dalam bahasa secara tersusun dan menyeluruh. Teori logik simbolik juga lebih lengkap berbanding teori-teori lain. Hal ini demikian kerana, teori ini membantu merungkai perkaitan antara simbol dan rujukan bagi sesuatu makna itu. Perkaitan makna antara kata ini boleh dilanjutkan kepada konteks yang lebih luas, iaitu frasa atau ayat. Misalnya, hubungan antara perkataan dan objek. Sesuatu perkataan akan membawa makna yang berbeza jika dihuraikan secara persaingan atau saling berkaitan. Teori ini dapat membantu pengkaji menganalisis struktur dan kebenaran bagi setiap makna dalam perkataan yang digunakan. Sebagai tambahan, teori ini turut membantu pengkaji untuk menganalisis makna dengan cara yang lebih tepat kerana pengkaji akan memperoleh pengalaman yang lebih mendalam tentang makna yang dipilih atau digunakan dalam bahasa tertentu terutama bahasa Melayu. Pengkaji juga dapat mengetahui bagaimana hubungan kata yang dipilih antara konsep yang dinyatakan. Oleh itu, teori logik simbolik ini bersesuaian dengan kajian ini kerana teori ini memberi penekanan langsung kepada konteks makna dan perlakuan manusia yang mengiringi sesuatu ujaran.

Selain itu, pengkaji akan menggunakan kaedah analisis dokumen, iaitu dengan menganalisis buku pantun *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*. Hal ini demikian kerana, kaedah analisis dokumen akan membantu pengkaji untuk mengenal pasti aspek kepelbagaian makna dari perspektif semantik dalam buku pantun *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*. Dalam kajian kualitatif, kajian ini merupakan satu kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti kepelbagaian makna dari perspektif semantik leksikal yang digunakan dalam pantun *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*. Penggunaan kepelbagaian makna dalam semantik leksikal merupakan konsep penting dalam linguistik yang merujuk kepada pelbagai makna boleh dimiliki oleh satu perkataan atau frasa. Terdapat beberapa jenis variasi makna dalam semantik leksikal seperti polisemi, sinonim, antonim, hiponim, homonim, dan konteks dalam kepelbagaian makna. Konteks dalam kepelbagaian makna ini bergantung kepada konteks perkataan yang digunakan. Oleh sebab itu, kepelbagaian makna dalam semantik leksikal boleh menjadi sangat kompleks dan bergantung kepada penggunaannya dalam sesuatu bahasa.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Melalui penganalisan pengkaji terhadap teks rangkap pantun dalam buku pantun *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*, pengkaji telah menemui 168 rangkap pantun yang menggunakan beberapa disiplin kepelbagaian makna leksikal. Antaranya aspek homonim, polisemi, meronim, metafora, antonim dan

sinonim. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat tujuh disiplin semantik leksikal yang digunakan dalam bahagian pembayang atau maksud pantun. Antaranya ialah 10 rangkap mengandungi aspek homonim, 31 rangkap mengandungi aspek meronim, 15 rangkap mengandungi aspek polisemi, 34 rangkap mengandungi aspek hiponim, 34 rangkap mengandungi aspek metafora, 34 rangkap mengandungi aspek antonim dan 10 rangkap mengandungi aspek sinonim. Manakala, tiga lagi disiplin semantik leksikal iaitu aspek homofon, homograf dan kolokasi tidak diaplikasikan dalam buku ini. Pengkaji juga akan menggunakan teori logik simbol dalam menganalisis dapatan kerana teori ini dapat membantu pengkaji menghuraikan makna setiap kata bukan sahaja pada peringkat kata, malah pada peringkat ayat dan tingkah laku manusia.

1. Homonim

Homonim merupakan gabungan dua kata atau lebih yang secara kebetulannya memiliki pola yang sama dari segi sebutan dan ejaan, tetapi memberi makna yang berbeza. Riana Putry Feby (2017), menyatakan bahawa homonim lebih sesuai digunakan untuk mengkaji bentuk-bentuk kata dalam bahasa tertentu. Selain itu, Yeni Nurahman (2019) mendapati bahawa kajian homonim lazim digunakan untuk mengkaji kelas kata hiponim yang berbeza mengikut lingkungan penggunaan bahasa tertentu. Selain itu, Chaer (2009) juga berpendapat bahawa homonim berkait rapat dengan hubungan pemaknaan kerana homonim merupakan satu bidang ilmu yang berperanan dalam memberi kelainan makna untuk sesuatu kata yang sama. Aspek homonim juga sering digunakan sebagai bahagian daripada mencari makna sebenar dalam suatu karya ilmiah atau sastera. Oleh sebab itu, homonim banyak ditemukan dalam penulisan atau pertuturan sehari-hari penutur sesuatu bahasa.

*Tempa kapak dengan beliung,
Hendak tetak kayu berduri;
Tuan di atas kemuncak **payung**,
Kami di bawah menjunjung duli.*

(Halaman 51)

Pantun di atas memberi maksud tentang tingkat darjat seseorang iaitu ‘tuan’ merujuk kepada pangkat yang lebih tinggi manakala ‘kami’ merujuk kepada orang bawahan. Maksud tuan di atas kemuncak payung memberi bayangan bahawa tuan ialah seseorang yang lebih dihormati. Walau bagaimanapun, makna lain bagi payung ditakrifkan sebagai alat bertangkai yang biasanya diperbuat daripada kain atau kertas yang dipasang pada kerangka boleh lipat, payung terjun, kuasa atau pengaruh, kawalan atau kelolaan, dan kata yang digunakan untuk memuji atau memujuk.

2. Meronim

Meronim dikaitkan dengan kata yang mempunyai makna yang pelbagai namun mempunyai perkaitan antara satu sama lain. John Lyons (1968) dalam kajiannya membincangkan meronim sebagai hubungan yang mengikut kepada susunan atau kedudukan yang lebih tinggi iaitu sesuatu item leksikal atau kata adalah sebahagian daripada item atau makna yang lebih besar. Sebagai contoh, pintu adalah meronim bagi “rumah”, kerana pintu adalah sebahagian daripada rumah. Misalnya;

*Sisik atap disambung **atap**,
Atap disik di **dangau** padi;
Banyak adat perkara adat,
Adat yang mana setuju di hati.*

(Halaman 51)

Atap ialah meronim bagi dangau kerana atap sebahagian daripada dangau. Kamus Dewan Perdana (2020) mentakrifkan dangau sebagai pondok kecil yang terletak di sawah atau ladang. Fungsi dangau ialah tempat untuk pekebun menjaga hasil tanaman. Oleh sebab dangau ialah sebuah pondok, maka atap merupakan sebahagian daripada pondok kecil yang digunakan untuk melindungi penghuninya dari

panas dan hujan. Meronim juga membantu pengkaji bahasa untuk memahami bagaimana setiap perkataan itu berhubungan antara satu sama lain. Tambahan, aspek ini membantu mengembangkan pemahaman pengkaji bahasa terutamanya kepada mereka yang menghasilkan karya-karya ilmiah atau karya sastera. Selain itu, meronim juga boleh dilihat dari bentuk, struktur dan fungsinya kerana meronim membantu pengguna bahasa untuk mengenal pasti, menganalisis dan memproses keseluruhan kata dengan lebih baik.

3. Polisemi

Polisemi merupakan aspek yang melihat kepada perkataan yang mempunyai dua atau lebih makna yang saling berkaitan. Aspek polisemi agak berbeza dengan homonim kerana homonim menampilkan makna yang tidak berkaitan, manakala polisemi menghubungkan kata yang mempunyai akar atau makna yang sama di antara satu sama lain. Ferdinand de Saussure (1916) mendapati bahawa makna sesuatu kata itu ditentukan dalam satu set tanda yang sama serta bagaimana makna dihasilkan melalui perbezaan atau hubungan dalam suatu bahasa yang digunakan. Polisemi juga dilihat sebagai aspek yang menggayakan makna kerana fungsi utamanya adalah menambah makna kepada bahasa dan membolehkan satu perkataan itu digunakan dalam pelbagai konteks yang berbeza tetapi masih saling berkaitan.

*Anak penjaja **menikam** pari,
Pari ditikan tombak senangin;
Bukan sengaja saya ke mari,
Dihantar ombak **ditumpu** angin*

(Halaman 5)

Kamus Dewan Perdana (2020) mentakrifkan kata tikam merujuk kepada perbuatan menusuk seseorang atau sesuatu dengan benda tajam seperti pisau atau keris. Tikam juga termasuk dalam perbuatan bermain judi seperti menikam atau mempertaruhkan sesuatu. Polisemi bagi kata tikam adalah seperti tikam lidah, tikam dadu, tikam ekor dan tikam nombor. Dalam konteks pantun di atas, pari telah ditikam atau ditusuk dengan benda tajam iaitu dengan menggunakan tombak senangin. Selain itu, kata tumpu pula ditakrifkan sebagai pusat perhatian, fikiran, minat dan ingatan. Makna lain bagi kata tumpu ialah sesuatu yang digunakan untuk mengampu kaki serta tangan dan ditolak atau ditiup seseorang atau sesuatu. Polisemi bagi kata tumpu ialah adalah seperti bertumpu, tumpukan, tumpuan kanta dan penumpu kaki. Ayat “*dihantar ombak ditumpu angin*” menunjukkan bahawa seseorang itu dengan sengaja ditiup angin.

4. Hiponim

Hiponim merujuk kepada perkataan yang mempunyai makna umum dan makna khusus. Hiponim terdiri daripada makna yang menunjukkan kategori yang lebih luas atau lebih besar. John Lyons (1968) dalam kajiannya menyatakan bahawa hiponim merupakan satu cara dalam menentukan kedudukan makna suatu perkataan dalam perkataan lain. Secara umumnya, hiponim ialah kata yang mempunyai lingkungan dalam suatu struktur pemaknaan. Misalnya, “banglo” adalah hiponim kepada “rumah” kerana banglo adalah satu daripada banyak jenis rumah. Bukan itu sahaja, hiponim boleh difahami dengan mudah jika kata “banglo” dikategorikan sebagai makna khusus bagi “rumah” yang tergolong sebagai makna umum.

*Buah tembikai masak tak manis,
Masak sebiji isinya merah;
Cakapan bagai embun ditapis,
Nyawa dan **badan** rasa terserah.*

(Halaman 7)

Kata nyawa dan kata badan merupakan makna khusus bagi manusia kerana manusia termasuk dalam makna umum. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), nyawa ialah roh yang menghidupkan manusia dan haiwan. Roh merupakan jiwa atau semangat yang ada dalam tubuh manusia yang menjadikan manusia itu hidup atau bernyawa. Manakala, badan merupakan bahagian tubuh manusia yang dapat dilihat. Dalam pantun di atas, dapat dilihat bahawa kata nyawa dan badan saling berkaitan antara satu sama lain kerana mempunyai kategori makna yang lebih luas iaitu untuk menggambarkan manusia tersebut.

5. Metafora

Metafora merupakan bidang ilmu yang menggunakan perkataan atau frasa dalam bentuk pemindahan makna ke satu kata atau frasa lain yang didasari oleh keserupaan atau analogi. Metafora berperanan sebagai satu domain untuk pembaca memahami atau menggambarkan makna yang hendak disampaikan namun bukan dalam bentuk sebenar. Aristotle (384 s.m.) menekankan kepentingan metafora dalam teknik pemakaian bahasa itu sendiri termasuklah dalam penulisan atau pertuturan harian manusia. Metafora juga sering digunakan oleh ahli-ahli bahasa dalam menghasilkan karya hiburan sastera agar mesej dapat disebarkan dalam bentuk kejelasan dan memberi kesan bahasa kepada penggemar karya sastera. Kebiasaannya, metafora hadir menggunakan gaya bahasa yang ringkas, padat, dan tersusun rapi. Hal ini demikian kerana, metafora diketahui sebagai kiasan yang membandingkan makna secara tersirat di antara dua objek yang berlainan dan akhirnya akan mewujudkan daya imaginasi baharu dan segar dalam kalangan pembaca.

*Laksamana berempat di atas pentas,
berlima dengan gurunya;
Bagaikan dakwat dengan kertas,
Sudah berjumpa dengan jodohnya.*

(Halaman 46)

Ungkapan “bagaikan dakwat dengan kertas” membawa maksud suatu perhubungan yang sangat rapat iaitu dua individu yang tidak pernah berpisah atau sangat sesuai dan sangat sepadan antara satu sama lain.

6. Antonim

Antonim merujuk kepada pasangan perkataan yang mempunyai makna yang berlawanan atau bertentangan antara satu sama. Kajian semantik oleh John Lyons (1977), membincangkan tentang hubungan antonim secara menyeluruh iaitu aspek antonim boleh dibahagikan kepada beberapa kategori. Antaranya antonim kembar, antonim berlawanan dan antonim hubungan. Ketiga-tiga jenis antonim ini dapat membantu pengguna bahasa dan pengkaji bahasa untuk memahami struktur dan fungsi makna dalam sesuatu bahasa.

Selain itu, Geoffrey Leech (1974) turut menyatakan bahawa antonim merupakan salah satu jenis daripada hubungan semantik leksikal yang digunakan untuk menganalisis makna yang bertentangan melalui penggambaran spektrum makna. Misalnya, antonim bagi rendah ialah tinggi dan antonim bagi gemuk ialah kurus. Antonim dapat membantu masyarakat untuk mengenal pasti perbezaan makna yang terdapat dalam perbendaharaan kata, di samping dapat mempelbagaikan kemahiran berbahasa serta memperkaya kosa kata seseorang.

Jadual 1 Rangkap Pantun dan Antonim

Bil.	Rangkap Pantun	Antonim
1.	Asam kandis asam gelugur, Ketiga asam si riang-riang ; Menangis mayat di pintu kubur, Teringat badan tidak sembahyang.	Kata “riang-riang” antonim dengan kata “menangis”
2.	Berakit-rakit ke hulu, Berenang-renang ketepian; Bersakit-sakit dahulu, Bersenang-senang kemudian.	Kata “bersakit-sakit” antonim dengan kata “bersenang-senang”
3.	Burung merbuk terbang melayang, Hinggap bertenggek di dahan mati; Kalau menepuk air di dulang, Nanti mercik di muka sendiri.	Kata “terbang” antonim dengan kata “bertenggek”.
4.	Diribut runduklah padi, Dicupak Datuk Temenggung; Hidup kalau tidak berbudi, Duduk tegak berdiri canggung.	Kata “duduk” antonim dengan kata “berdiri”.
5.	Gunung di laut berentang jati, Kota di Daik saya pagarkan; Hidup kita lawannya mati , Nama yang baik kita tinggalkan.	Kata “hidup” antonim dengan kata “mati”.
6.	Kayu besar kayu penaga, Kayu kecil dahannya runduk; Kalau besar jangan melanda, Kalau kecil jangan menunduk.	Kata “besar” antonim dengan kata “kecil”.
7.	Orang Daik memacu kuda, Kuda dipacu deras sekali; Buat baik berpada-pada, Buat jahat jangan sekali.	Kata “baik” antonim dengan kata “jahat”.
8.	Pohon mengkudu tumbuhnya rapat, Rapat lagi pohon jati; Kawan beribu mudah didapat, Sahabat setia payah dicari.	Kata “mudah” antonim dengan kata “payah”.
9.	Batu payung di Pulau Aman, Tempat nelayan menebar jala; Puas sudah beta hiburan, Siang dan malam terkenang jua.	Kata “siang” antonim dengan kata “malam”.
10.	Layang-layang di atas bukit, Kayu tengar dari seberang; Cinta dan sayang bukan sedikit, Racun penawar tuan seorang.	Kata “racun” antonim dengan kata “penawar”.

7. Sinonim

Sinonim merupakan disiplin semantik leksikal yang merujuk kepada kata yang mempunyai makna yang sama atau hampir sama dalam konteks tertentu. Sinonim menampilkan variasi kata yang berbeza tetapi masih mempunyai makna yang sama. Hal ini demikian kerana, Geoffrey Leech (1974) menekankan bahawa sinonim dapat membantu pengguna bahasa terutamanya pakar bahasa dalam meningkatkan bahasa apabila wujud pelbagai cara dalam menyatakan makna yang sama. Sinonim turut dibahagikan kepada dua jenis iaitu sinonim mutlak dan sinonim relatif. Sinonim mutlak merujuk kepada kata yang boleh ditukar atau digantikan dalam semua konteks pemakaian bahasa tanpa mengubah makna sebenar ayatnya.

Jadual 2 Rangkap Pantun dan Sinonim

Bil.	Rangkap Pantun	Sinonim
1.	Anak buruk di kayu rendang Turun mandi di dalam paya; Hodoh buruk di mata orang, Cantik manis di mata saya.	Kata “hodoh” sinonim dengan kata “buruk”
2.	Bunga telepok kembang separak, Kembang bersusun setiap batang; Awan bertepuk mega bersorak , Bulan terbit dipagar bintang.	Kata “tepuk” sinonim dengan kata “sorak”
3.	Pohon mengkudu tumbuhnya rapat, Rapat lagi pohon jati; Kawan beribu mudah didapat, Sahabat setia payah dicari.	Kata “kawan” sinonim dengan kata “sahabat”
4.	Pukul gendang bermain raga, Raga dibawa dari muara; Hidup di dunia marilah jaga, Jangan sampai cacat dan cela .	Kata “cacat” sinonim dengan kata “cela”
5.	Buah kuini jatuh tercampak, Jatuh menimpa bunga selasih; Biar bertahun dilambung ombak, Tidak kulupa pada yang kasih.	Kata “jatuh” sinonim dengan kata “menimpa”
6.	Di kiri jalan di kanan jalan, Tengah-tengah pohon mengkudu; Kirim jangan pesan pun jangan, Sama-sama menanggung rindu.	Kata “kirim” sinonim dengan kata “pesan”
7.	Kain batik negeri seberang, Dipakai anak Tanah Melayu; Apa ertinya kasih dan sayang , Kalaulah adik berjanji palsu.	Kata “kasih” sinonim dengan kata “sayang”
8.	Layang-layang di atas bukit, Kayu tengar dari seberang; Cinta dan sayang bukan sedikit, Racun penawar tuan seorang.	Kata “cinta” sinonim dengan kata “sayang”
9.	Sayang Hanuman membelah bukit, Mencari ubat Seri Rama; Kasih sayang bukan sedikit, Jadi ingatan selama-lama.	Kata “kasih” sinonim dengan kata “sayang”

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Dalam kajian ini, dapat dilihat bahawa kepelbagaian makna dari perspektif semantik leksikal yang diperoleh daripada rangkap pantun memberi kesan kepada pemahaman makna, penggunaan bahasa, serta pengayaan kosa kata bagi individu tertentu. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa disiplin yang perlu diberi perhatian kerana boleh menimbulkan kekeliruan makna dan kesilapan penggunaan kata.

Hasil analisis kesemua disiplin semantik leksikal terhadap rangkap pantun mendapati bahawa aspek semantik leksikal dapat membantu meningkatkan kepekaan pembaca terhadap konteks budaya dan sosial ketika mentafsir bait-bait kata dalam pantun. Justeru, mereka akan lebih mudah memahami mesej sebenar yang hendak disampaikan oleh pencipta pantun.

Kajian ini juga turut membantu pengkaji memberikan penjelasan yang lebih menyeluruh kepada pembaca dan pengkaji bahasa kerana pengkaji menggunakan teori logik simbolik dalam menginterpretasikan setiap kata yang digunakan. Teori ini dapat membantu pengkaji merungkai perkaitan di antara makna dengan konteks yang lebih luas dalam buku pantun *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*.

KESIMPULAN

Pengkaji telah menemui sebanyak 168 rangkap pantun yang mempunyai disiplin semantik leksikal. Berdasarkan objektif yang pertama, iaitu mengenal pasti kepelbagaian makna dari perspektif semantik leksikal dalam buku pantun *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*, hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat 7 disiplin semantik leksikal yang digunakan dalam bahagian pembayang atau maksud pantun. Antaranya ialah 10 rangkap mengandungi aspek homonim, 31 rangkap mengandungi aspek meronim, 15 rangkap mengandungi aspek polisemi, 34 rangkap mengandungi aspek hiponim, 34 rangkap mengandungi aspek metafora, 34 rangkap mengandungi aspek antonim dan 10 rangkap mengandungi aspek sinonim. Manakala, tiga lagi disiplin semantik leksikal iaitu aspek homofon, homograf dan kolokasi tidak diaplikasikan dalam buku ini. Bagi objektif kajian yang kedua pula, iaitu menginterpretasikan kepelbagaian makna dari perspektif semantik leksikal dalam buku pantun *Sekalung Budi Seuntai Bahasa*. Pengkaji menggunakan teori logik simbolik dalam menganalisis serta menghuraikan makna-makna bagi setiap kata yang digunakan dalam setiap rangkap pantun yang dipilih.

Dalam kajian ini, dapat dilihat bahawa kepelbagaian makna dari perspektif semantik leksikal yang diperoleh daripada rangkap pantun memberi kesan kepada pemahaman makna, penggunaan bahasa, serta pengayaan kosa kata bagi individu tertentu. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa disiplin yang perlu diberi perhatian kerana ianya boleh menimbulkan kekeliruan makna dan kesilapan penggunaan kata. Oleh hal yang demikian, Pengkaji turut mencadangkan agar pengkaji masa akan datang mengkaji secara terperinci dengan memfokuskan kepada satu atau dua disiplin semantik leksikal sahaja agar setiap maklumat dan dapatan yang diperoleh dapat diteliti satu persatu. Hal ini demikian kerana, banyak leksikal yang digunakan dalam penulisan karya sastera yang memerlukan penelitian yang menyeluruh dan mendalam.

Seterusnya, pengkaji mencadangkan agar pengkaji akan datang dapat meneruskan kajian ini dengan mengkaji lebih banyak bahan sastera selain daripada pantun. Kajian kepelbagaian makna dalam aspek semantik leksikal ini mampu untuk meningkatkan pemahaman, pengayaan kosa kata serta membantu masyarakat umum untuk menikmati karya sastera bukan hanya dengan keindahan bahasa, malah sekali gus dapat memahami makna di sebalik kata dalam bahasa Melayu. Di samping itu, hasil dapatan yang diperoleh telah memberi implikasi kepada pihak-pihak berkepentingan dan masyarakat umum. Badan organisasi seperti DBP misalnya, dapat memperkaya serta memelihara bahasa Melayu agar bahasa ini terus relevan dan berkembang ke serata dunia. Masyarakat bukan sahaja dapat meningkatkan pemahaman terhadap kata yang digunakan tetapi mereka juga boleh menikmati kehalusan dan kekayaan bahasa terutamanya dalam dunia sastera. Kesimpulannya, kajian terhadap kepelbagaian makna dari perspektif semantik leksikal perlu diterapkan dalam semua karya penulisan terutamanya karya sastera agar penggunaan makna yang tepat mengikut konteks dapat difahami oleh semua pihak. Akhir sekali, kajian sebegini juga dapat membantu meningkatkan perkembangan penggunaan bahasa Melayu yang baik dalam semua aspek dan bidang sosial.

RUJUKAN

- Adi Iwan Hermawan, Kartika Tiara Syarifuddin, & Supriyati Fatma Rabia. (2023). Analisis Perluasan Makna Bahasa Komunitas Sepak Bola: Kajian Semantik. *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 8(1). <https://doi.org/10.21107/metalingua.v8i1.9800>
- Asmah Haji Omar. (1998). *Concepts of Conflict, War and Peace in the Malay Language*. Akademi Pengajian Melayu.
- Asmiaty Amat, Isa Romtie, & Norhuda Salleh. (2022). Tema Pantun Cocos di Sabah. *PENDETA*, 13(1), 33–46. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.4.2022>
- Aristotle. (384-322 BC): Philosopher and scientist of ancient Greece. *Archives of Disease in Childhood. Fetal and Neonatal Edition*, 91(1). <http://dx.doi.org/10.1136/adc.2005.074534>
- Chaer, Abdul. (2009). *Pengantar Semantik Bahasa Indonesia*. PT Rineka Cipta.
- De Saussure, F. (1916). *Cours de linguistique generale*, terjemahan (1959) sebagai *Course in general linguistics* oleh W. Baskin. McGraw-Hill.
- Ghina Salsabila & Dianita Indrawati. (2022). Analisis Semantik Leksikal Pada Lirik Lagu dalam Album “Manusia” Karya Tulus. *Kajian Linguistik dan Sastra: Edisi Yudisium*, 9(3). <https://ejournal.unesa.ac.id/index.php/jurnal-sapala/article/view/48466>
- Harum Indira Suyanto & Dianita Indrawati. (2022). Semantik Leksikal Pada Lirik Lagu dalam Album “Raisa” Raisa Andriana. *Kajian Linguistik dan Sastra: Edisi Yudisium*, 9(3). <https://ejournal.unesa.ac.id/index.php/jurnal-sapala/article/view/48463>
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (2001). *Pantun Melayu: Bingkisan Permata*. Yayasan Karyawan.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Perdana Edisi Pertama*. (2020). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lalu Purnama Zulkarnain. (2023). Semantik Leksikal Pantun dalam Sastra Sasak. *Jurnal Ilmiah Telaah*. 8(1). <https://doi.org/10.31764/telaah.v8i1.13360>
- Leech, G. N. (1974). *Semantics*. Penguin Books.
- Lyons, J. (1968). *Introduction to Theoretical Linguistics*. Cambridge University Press.
- Lyons, J. (1977). *Semantics*. Cambridge University Press.
- Noor Hasnoor Mohamad Nor, & Eizah Mat Hussain. (2020). Konsep Ruang dalam Bahasa dan Pemikiran Menerusi Pantun Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 384–414. https://ejournal.um.edu.my/index.php/jurnalmelayu_sedunia/article/view/27646
- Mohamad Nor Taufiq Nor Hashim, & Aniswa Abd Ghani. (2023). Peminjaman Perkataan Sanskrit dalam Bahasa Melayu: Penelitian dari Sudut Makna. *Gema Online Journal of Language Studies*, 23(1), 244-260. <http://dx.doi.org/10.17576/gema-2023-2301-13>
- Mohd Saipudin Sulaiman, Shahrin Nizal Mohd Nor, Nordiana Ab Jabar, Norazimah Zakaria, Lim Ying Xuan, & Afidatul Syazwani Afandi. (2023). Pembinaan Teori Teksdealisme dan Penelitian Terhadap Karya Puisi Konkrit. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 11(1), 37-53.
- Muhammad Haji Salleh. (2023). Pantun Melayu: Penelitian terhadap keindahan dan keunikannya dalam masyarakat. *Malay Literature*, 36(1), 47–64. [http://doi.org.10.37052/ml36\(1\)no3](http://doi.org.10.37052/ml36(1)no3)
- Neldi Harianto, Rengki Afria, & Julizah Izar. (2022). Polisemi dan Homonim dalam Kajian Semantik Bahasa Arab. *Seminar Nasional Humaniora*, Vol. 2, 48-53.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2011). Perkembangan Semantik Malaysia: Sorotan Ilmiah. Dlm. Nor Hashimah Jalaluddin, Mohammad Fadzeli Jaafar, & Harishon Radzi (Eds.), *Seminar Kebangsaan Linguistik 2007 (SKALI '07)*, 43-65). Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Putu Ayub. (2013). Revisi taksonomi pembelajaran Benyamin S. Bloom. Dalam Ros Kartini & Abdul Halim Ali, *Mencanai pemikiran kritis kanak-kanak menerusi pantun*. https://www.researchgate.net/publication/355737245_MENCANAI_PEMIKIRAN_KRITIS_KANAK-KANAK_MENERUSI_PANTUN
- Riana Putry Feby. (2017). Analisis Homonim Bahasa Minangkabau dan Bahasa Jawa di Kabupaten Dharmasraya. *Laporan Penyelidikan Jurusan Sastra Minangkabau*. Universitas Andalas.
- S, Nathesan. (2003). Teori Semantik dan kajian Kepustakaan Terhadap Semantik Leksikal. *Jurnal Bahasa*, 1(1), 108-135.
- Siti Farida Salleh, Yazid Yahya, Mary Fatimah Subet, & Muhammad Zaid Daud. (2020). Analisis Semantik Leksikal dalam Novel Sangkar Karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal*, 3(1), 45-63. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.144>
- Siti Khariah Mohd Zubir, Mohd Rashid Md Idris, Abdullah Yusof, 2010a. *Nilai Estetik dan Intelek dalam Pantun*. Emeritus Publications.
- Mohd Saipuddin Suliman, Nordiana Ab. Jabar, Daeng Haliza Daeng Jamal, Suraya Sukri, Ainul Wahida Radzuan, Fatimah Muhd Shukri, Tuan Rusmawati Raja Hassan, & Ying Xuan Lim. (2023). Puisi Konkrit: Satu

Penelitian Berdasarkan Pendekatan Semiotik. *PENDETA*, 14(1), 1–12.
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.1.2023>

Taylor, S. J., & Bogdan, R. (1984). *Introduction to Qualitative Research Method: A Phenomenological Approach to the Social Sciences*. Wiley.

Yeni Nurahman. (2019). Homonim Bahasa Mbajo Dialek Donggo di Desa O'O Kecamatan Dompu. *Laporan Penyelidikan*. Universitas Muhammadiyah Matarah.

Zainal Abidin Bakar. (1983). *Kumpulan Pantun Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.